



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SWASTA DIGESA BANTU TINGKAT PASARAN PRODUK KEPERLUAN, BISNES, BH -38	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	PADI PULUT BERI HASIL LUMAYAN, DALAM NEGERI, UM -32 KELANTAN BAKAL EKSPORT 1,961 TAN TEMBIKAI, NEGERI KELANTA, SH -21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5.	FROM HOBBY TO BUSINESS, FEATURE, THE SUN -18 KAYAK FISHING TESTS ANGLERS' STAMINA, SKILLS, ONLINE, THE MALAYSIAN RESERVE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	LPP BERUSAHA BIMBING PPK TIDAK AKTIF, AGRIKULTUR, HAKAKAH -H22	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	LKIM SEDIA RM1 JUTA BANTU NELAYAN TERJEJAS BANJIR, MUSIM TENGGUJUH DI MALAYSIA, SH -10	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8.	KAJI PEMOTONGAN PEMUTUAN PADI, NEGERI SELANGOR/KL, SH -17	INDUSTRI PADI BERAS (IPB)
9. 10. 11.	INCREASING FARMERS' INCOME, FEATURE, THE SUN -19 PRAPELANCARAN SAMBUTAN JUBLI EMAS UPM, AKADEMIA, HM -35 NELAYAN PERLU PAMPASAN SETIMPAL, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Swasta digesa bantu tingkat pasarkan produk keperluan

Kerajaan pastikan rakyat dapat barangan dengan harga berpatutan

Oleh Alzabrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kerajaan akan melaksanakan lebih banyak program perkongsian strategik awam dan swasta bagi memasarkan barangan keperluan pengguna.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata ini bagi memastikan rantaian bekalan dapat dipendekkan sekali gus membantu rakyat mendapatkan barangan dengan harga berpatutan.

Katanya, Kementerian juga akan terus berbincang dengan beberapa syarikat swasta bagi memasarkan barangan keperluan pengguna.

"KPDNHEP sentiasa mencari kaedah bagaimana dapat membantu rakyat mendapatkan barangan dengan harga berpatutan selain memendekkan rantaian bekalan. "Apabila rantaian bekalan dapat dipendekkan, kos akan lebih rendah. Ini bagi menangani peranan orang tengah yang mempengaruhi harga.

"Ia juga membolehkan pengun-



Alexander (dua dari kanan), Ronald (dua dari kiri), Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosli Wahid (kiri) serta Naib Presiden Pemasaran PETRONAS, Ahmad Adly Alias pada majlis pelancaran Segar@Mesra di Kajang, baru-baru ini. (Foto Aswadi Alias/BH)

jualan memasarkan produk tempatan secara berterusan. Oleh itu kerjasama pihak swasta sangat digalakkan," katanya selepas pelancaran Segar@Mesra bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiang di Kajang, baru-baru ini.

Segar@Mesra adalah program terbaru KPDNHEP dan MAFI bersama Petronas Dagangan Bhd (PDB).

Kedai Mesra PETRONAS terpilih akan memasarkan produk sejuk beku seperti sayuran, ikan, ayam dan buah daripada tiga agensi di bawah MAFI iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan

(NAFAS), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (PAMA).

Mengulas lanjut, Alexander berkata, kerjasama strategik Segar@Mesra akan membantu KPDNHEP memperkasa sektor ekonomi serta mewujudkan ekosistem perdagangan domestik dengan lebih efisien.

Sementara itu, Ronald Kiang berkata, MAFI sentiasa mencari peluang serta kaedah baru dalam memasarkan yang boleh membantu meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan.

Beliau berkata, semua pihak harus berganding bahu dalam memasarkan terus produk barangan

keperluan sebegini.

"Pemasaran terus melalui kerjasama sektor swasta seperti PDB adalah platform terbaik memperluaskan jangkauan dan pada masa yang sama menunjukkan kualiti serta menggalakkan penggunaan produk tempatan.

"Ketika ini 40 penternak mendapat manfaat daripada inisiatif Segar@Mesra dan kami menyasarkan ia akan diperluaskan seiring dengan perkembangan.

"MAFI juga akan memberi bantuan kepada agensi melalui pembelian peralatan yang diperlukan di Kedai Mesra PETRONAS seperti pendingin, penyejuk beku dan promosi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	21

Kelantan bakal eksport 1,961 tan tembikai

BACHOK - Jabatan Pertanian menjangkakan 1,961 tan buah tembikai berkualiti yang ditanam di Kelantan, dapat dieksport pada minggu akhir Februari hingga pertengahan Mei ini dengan nilai kontrak berjumlah RM3 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, jangkakan itu boleh dicapai menerusi memorandum persefahaman (MoU) *Contract Grower* yang ditandatangani antara pengusaha tanaman buah itu, dengan syarikat pemborong produk pertanian, Beho Supply Sdn Bhd.

“MoU ini adalah perjanjian jual beli melibatkan tiga penjurong antara Jabatan Pertanian, pengeksport dan pengusaha tanaman tembikai di Kelantan, bagi tujuan pengeluaran dan pengeksportan buah tembikai berkualiti ke pasaran antarabangsa.

“Perjanjian ini melibatkan seramai 56 pengusaha tanaman tembikai dari enam daerah di negeri ini iaitu Bachok, Machang, Pasir Puteh, Tumpat, Kuala Krai dan Jeli, dengan keluasan tanah keseluruhan 78.45 hektar.

“Kelantan dipilih kerana mempunyai keluasan tanah yang cukup baik untuk mengusahakan tanaman tembikai, namun kementerian juga berharap inisiatif sebegini dapat diperluaskan di negeri-negeri lain,” katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian berkenaan di sini pada Ahad.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian, Eliyas Saad dan Pengarah Eksekutif Beho Supply, Datuk Jamal Harizan Yang Razali.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, melalui kerjasama strategik ini, Beho Supply akan membeli hasil tanaman tembikai, pada harga yang dipersetujui iaitu harga ladang RM1.80 sen sekilogram bagi gred A, B (RM1.60 sen) dan C (RM1.30 sen).

“Justeru, ia dapat memberi manfaat kepada setiap petani untuk mendapatkan harga ladang yang lebih baik dan meningkatkan hasil keluaran makanan yang selamat dan berkualiti.

“Petani juga mendapat latihan dan bimbingan secara berkala melalui Jabatan Pertanian, yang menjadi pemudah cara dengan menyediakan khidmat teknikal seperti pendekatan pengurusan perosak bersepadu (IPM), bagi memastikan kualiti hasil ladang memenuhi standard premium bagi tujuan eksport,” tambah beliau. - *Bernama*

From hobby to business

➔ Fighting spirit is key to wheelchair-bound Mohd Faizal's roaring success

BY SURAINIE MOHD KHALID

MOHd FAIZAL KHAMIS may be wheelchair-bound but he has never allowed his physical disability to stand in the way of attaining success as an entrepreneur.

He breeds betta fish, more commonly known as fighting fish, for sale and runs his thriving business from his home at Kampung Batu 7 in Simpang Renggam, Johor.

According to Mohd Faizal, 38, who became paralysed from the waist downwards after he was struck by a nerve disorder at the age of 11, the demand for fighting fish surged during the movement control order (MCO) period to the extent that he fell short of supplies.

"As far as I can remember, rearing fighting fish as a hobby peaked in 2016. During the MCO, there was an overwhelming demand for the ornamental fish probably because people had more time to tend to the fish," he said, adding that since then he has been busy serving hordes of customers, some of whom are willing to spend up to 10 hours at his farm to ensure they choose the best ones.

Fighting fish are small-sized freshwater fish that are native to Southeast Asia and known for their dramatic and vibrantly colourful flowing fins, as well as their combative nature.

Generating an income

Pointing out that fighting fish rearing can be turned into a lucrative enterprise, Mohd Faizal said he took it up as a hobby in 2007 and decided to commercialise it in 2013 after he learned how to breed the fish from online resources.

"In 2013 when I was looking for something to do to generate an income, I thought of rearing guppy fish at first. But I decided to try my

hand at breeding fighting fish after I read an article about it and found out more about it on blogs. That was how my company Steady Betta was established," he said.

Mohd Faizal, who is the youngest among 12 siblings and studied only up to Standard Six, said he has never regarded his disability as an impediment to his personal development.

Armed with a capital of just RM200, he bought a pair of fighting fish of a local species and has never looked back since then. Two years ago, the Department of Fisheries Malaysia assisted him to purchase RM26,000 worth of equipment for his business.

Today, he breeds about 1,000 mature fighting fish and fish fry belonging to the Crown Tail, Half Moon, Giant and Dumbo species in his mini-farm, located in the garden of his house. Here, he also breeds water fleas in tanks laced with green algae. Known as *moina*, the fleas serve as food for the fighting fish.



A fighting fish belonging to the Koi Galaxy species is known for its colourful and flowing fins.



Fish fry belonging to the Half Moon species.



Faizal learned how to breed fighting fish from online resources.

Mohd Faizal places his mature fighting fish in suitable containers such as glass jars or plastic bottles that are arranged on racks. The fish fry is left to grow in basins and pails.

Stressing that it is important for fish breeders like him to update their knowledge constantly in order to enhance their output, he said he uses *ketapang* (also known as Indian almond) leaves to lower the acidic level of the water in the jars housing the betta fish.

"The leaves also make the fish feel less stressed," he said, adding that he usually collects the leaves with the help of some of his friends at Pantai Punggur in Rengit near Batu Pahar. Recently, he also started to feed his fish wolffia, an aquatic plant that is high in protein.

Mohd Faizal, whose mini-farm is monitored by the Department of Fisheries' Klang district office, has many acquaintances in Malaysia as well as in Thailand, Brunei and Vietnam who share information pertaining to the breeding of fighting fish.

Crown tail

Mohd Faizal's fighting fish can fetch a price of as low as RM10 each to up to RM2,000 for a pair, with the price range varying in accordance with their special features.

The Crown Tail species is a firm favourite, particularly among his customers who wish to enter fighting fish competitions.

Mohd Faizal, who shares tips on caring for the ornamental fish in his Facebook account 'Atok Steady', has customers who come from as far as Selangor and Kelantan.

He said his fighting fish enterprise

grew in popularity after many of his friends promoted him on Facebook. In fact, the social media sharings also garnered the attention of MP for Simpang Renggam Dr Mazlze Malik who donated cement to make the flooring for the area where Mohd Faizal keeps the racks to hold the fish jars.

Challenges

Just like many other entrepreneurs out there, Mohd Faizal has had his fair share of challenges to contend with. Disease outbreaks are sometimes unavoidable and there was an occasion when he had to throw away hundreds of his betta fish after they contracted velvet, an ailment caused by parasites in the water.

And, there was also an occasion when thieves broke into his house compound one night and carted away jars containing about 20 fighting fish and water fleas.

"Fortunately, the fish that were stolen were not the high-grade varieties. Ever since that incident, I have been sleeping lightly at night," said Mohd Faizal, whose mother Mon Omar, 78, and sister Rosie, 44, assist him in running his mini-farm.

Mohd Faizal, whose fighting fish has won top prizes at various competitions at the district and state levels, urged people with disabilities to strive to be independent and to keep learning in order to be successful.

"Look at me, eight years ago, I didn't know anything but now I've become a fighting fish breeder ... from zero to hero," added this hardworking entrepreneur, who also has a television and radio repair certificate from the Industrial Training and Rehabilitation Centre in Bangi, Selangor. - Bernama

Headline	Kayak fishing tests anglers' stamina, skills		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	11 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Life & Arts	Circulation	12,000
Page No	24	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	805 cm ²
Journalist	SITIFAUZIAH HASAN	AdValue	RM 8,481
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,443



by SITIFAUZIAH HASAN

WHILE kayaking is a popular activity in Malaysia, kayak fishing has yet to gain traction among anglers and adventure sports lovers.

One company in Port Dickson is trying to change that by offering kayak fishing services to the more adventurous angling enthusiasts who love a good challenge, as manoeuvring and balancing a narrow boat with a paddle and casting a fishing line into the water can test an angler's stamina and dexterity levels.

PD Watersports Sdn Bhd, based in Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, has been renting out kayaks for fishing purposes since March this year. The response so far has been overwhelming as it has been attracting an average of 100 customers a month with most of them giving their kayak fishing experience the thumbs up.

Its MD Mazuan Mohd Noor, 37, said kayak fishing has great potential for development in this country.

"Actually, this activity has been around for a long time and has its own set of fans who love challenges. However, it has yet to become a popular pursuit. One needs to have a great deal of stamina to control and paddle the kayak," he told *Bernama*.

Wider, More Stable

Many people may wonder how angling can be carried out from a kayak in view of the narrowness of its cockpit where the kayaker sits.

Mazuan explained that kayaks used for angling are wider and more stable than the boats used for kayaking purposes.

"We also provide a smartphone app which our kayak fishing anglers can download to locate fishing points in the sea which we will share with them," he said.

Next year, his company plans to upgrade their boats with a fish finder, a high-frequency sonar device that can locate schools of fish. His company currently has a fleet of 16 kayaks, including single-

Kayak fishing tests anglers' stamina, skills

It is definitely challenging, what with the waves and sea-sickness and all that...



Mazuan says among his workers are fishermen who are familiar with the sea and know where the prolific fishing areas are located



Kayak fishing offers a different kind of experience and satisfaction compared to regular fishing

person and tandem kayaks.

Mazuan also said the company gives priority to safety and every kayak is equipped with safety jackets and a walkie-talkie.

"We also advise newcomers to kayak fishing not to venture too far away from the coast. One of our staff will also accompany them to monitor their safety," he said.

Mazuan, who was born and raised in Jempol, Negri Sembilan, said among his workers are fishermen who are familiar with the sea and know where the prolific fishing areas are located.

Source of Income

Mazuan said although it has not even been a year since he started his kayak rental company, he gets an average of 100 customers

— both male and female — a month, with many of them being repeat customers who have grown to love kayak fishing.

One of them is Mohd Razif Hafez Ab Jallil, a teacher who found kayak fishing challenging but satisfying.

"Kayak fishing offers a different kind of experience and satisfaction compared to regular fishing.

"It is definitely challenging, with the waves and sea-sickness and all that...we are not even sure if we will be able to catch any fish, but the satisfaction we get is something else. In fact, I find it a great stress reliever as well," he added.

Mazuan's company operates daily from 7.30am to 6.30pm, and the kayaks can be rented at RM80 per person.

Meanwhile, Negri Sembilan Fisheries Department director Halimi Abu Hanip welcomed initiatives to popularise kayak fishing as an ecotourism activity in Port Dickson district, saying that it would also help generate an income for the local community.

He said Pantai Bagan Pinang is growing popular as a destination for kayak fishing.

"We have noticed that of late it has become a trend (in Pantai Bagan Pinang). The fishermen here are also offering kayak rental services, and they have built creative artificial reefs in the coastal area to enable kayak anglers to fish there," he said, adding that his department would improve the existing facilities to enable the fishermen to carry out their activities. — *Bernama*



PD Watersports, based in Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, has been renting out kayaks for fishing purposes since March this year



Seorang petani menerima bayaran rebet harga cili daripada Dr Nik Zawawi Salleh.



Seorang usahawan menerima geran bantuan daripada Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang.

LPP berusaha **bimbing** PPK tidak aktif

Oleh ZULKEFLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Bagi merangsangkan lagi industri pengeluaran makanan negara kerajaan melaksanakan pelbagai program bagi mengelakkan pergantungan sumber dari luar negara.

Malah petani dan peladang terjejas akibat wabak Covid-19 dan bencana yang berlaku sentiasa mendapat perhatian kerajaan bagi memastikan industri itu terus digembungkan.

Antaranya bantuan yang dibulur termasuk pakej rangsangan melalui pelbagai geran bantuan.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, bantuan tersebut hendaklah dimanfaatkan sebaik mungkin petani.

"Jadikan bantuan yang disalurkan itu seperti seekor penyus. Perlu dipelihara sehingga bertelur. Sebahagiannya boleh dimakan dan sebahagian lagi perlu menetas.

"Jangan sesekali sembelih ibu penyus sehingga tidak memberi sebarang keuntungan," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi untuk Projek Tanaman Cili

80 hektar kawasan diusahakan dengan tanaman cili oleh 200 penanam yang berupaya membekalkan 250 metrik tan dengan nilai RM1.451 juta yang dibekalkan kepada syarikat Nestle bagi pengeluaran sos cili.

di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang, di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut seramai 10 usahawan tani menerima bantuan bernilai RM200,000 di bawah pakej rangsangan.

Turut hadir Pengarah LPP negeri, Mohd Hanifa Awang Su, Pengerusi PPK Bukit Awang Tengku Abdul Azis Tuan Deraman dan Pengurus Besar PPK berke-

naan, Wan Anuar Wan Ismail.

Dr Nik Muhammad Zawawi yang juga ahli parlimen Pasir Puteh berkata, kebergantungan terhadap bantuan kerajaan secara berterusan menggambarkan kegagalan petani memanfaatkan sumber bantuan yang disalurkan.

Menurutnya juga kegigihan dan disiplin pengurusan kewangan yang cekap

mampu mengembangkan bidang yang diusahakan sehingga mampu membawa petani sebagai usahawan berjaya.

Berdisiplin

"Mereka yang berdisiplin dan mempunyai perancangan dengan modal yang disalurkan kerajaan sudah ramai yang lahir sebagai jutawaan.

"Walaupun mengusahakan penanaman cili atau sayuran namun mereka mampu meraih kehidupan yang lebih selesa," katanya.

Kata beliau juga peruntukan pakej rangsangan ekonomi melibatkan 22 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Kelantan bernilai RM3.927 juta.

Katanya, pakej rangsangan itu menjadi pemangkin untuk meningkatkan produktiviti tanaman cili termasuk pemindahan teknologi moden dan fertigasi.

"Setakat ini sebanyak 80 hektar kawasan diusahakan dengan tanaman cili oleh 200 penanam yang berupaya membekalkan 250 metrik tan dengan nilai RM1.451 juta yang dibekalkan kepada syarikat Nestle bagi pengeluaran sos cili.

"Dengan penggunaan teknologi moden serta penanaman fertigasi pastinya hasil akan terus meningkat.

"Ditambah pula bantuan pakej rangsangan ekonomi yang boleh dimanfaatkan sebaik mungkin petani," ujarnya.

Kata beliau juga LPP akan berusaha memperkasakan semula kecemerlangan PPK termasuk mengajai dan membimbing PPK yang tidak aktif di seluruh negara.



Dr Nik Zawawi Salleh menggunakan sistem Peladang Milik untuk pendaftaran sebagai ahli PPK Bukit Awang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/1/2021	SINAR HARIAN	MUSIM TENGGUJUH DI MALAYSIA	10

LKIM sedia RM1 juta bantu nelayan terjejas banjir

TAIPING - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan sebanyak RM1 juta sebagai bantuan awal kepada kumpulan nelayan di negeri-negeri yang terjejas banjir.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, peruntukan di bawah Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan itu meliputi kerosakan harta benda dan peralatan penangkapan ikan seperti bot dan pukot.

Menurutnya, LKIM sudah mengarahkan pegawai terlibat untuk membuat pemantauan dan penilaian kerosakan agar bantuan lanjut dapat disampaikan dengan segera.

“Setakat ini kita belum menerima apa-apa laporan kerosakan atau kerugian membabitkan nelayan di sana.

“Kita ada persatuan nelayan di setiap kawasan, begitu juga pegawai-pegawai LKIM yang sentiasa bersedia membantu,” katanya selepas menyampaikan Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan, Bukit Gantang di sini pada Ahad.

11/1/2021

SINAR
HARIAN

NEGERI

SELANGOR/KL

17

Kaji pemotongan padi

Pesawah padi kecewa terpaksa tanggung kerugian lebih tinggi

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SUNGAI BESAR

Kira-kira 50 pesawah di Mukim Panchang Bedena di sini berhimpun secara aman bagi mendesak kerajaan menyelaraskan pemotongan padi pada kadar bawah 20 peratus.

Kebanyakan pesawah di kawasan tanaman padi seluas 6,082 hektar itu kecewa berikutan terpaksa menanggung kerugian potongan pemotongan padi antara 30 sehingga 70 peratus pada musim tanaman kali ini.

Pesawah, Harun Yassin, 52, berkata, beliau yang membantu menjual hasil padi seorang rakaninya ke pukat terkejut apabila dimaklumkan potongan pemotongan padi sebanyak 70 peratus.

“Tidak pernah dalam seja-



Sebahagian pesawah berhimpun di Parit 1 Sungai Haji Dorani di sini pada Ahad bagi mendesak kerajaan menyelaraskan pemotongan padi pada kadar bawah 20 peratus.

rah potongan padi terlalu tinggi sehingga 70 peratus kerana biasanya 20 atau 23 peratus sahaja pada musim sebelumnya.

“Jika pemotongan pemotongan ini tinggi, bagaimana kami (pesawah) boleh menambah sumbu-ber pendapatan sedangkan terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit,” katanya kepada *Sinar Harian* di Kampung Parit 1 Sungai Haji Dorani di sini pada Ahad.

Harun berkata, masalah pemotongan padi seharusnya ditangani segera mermandangkan

hanya kira-kira 20 peratus kawasan tanaman itu baharu sahaja melalui proses tuai.

“Pesawah pula dihantui kebingungan kerana apabila padi dihantar kepada pengilang akan mengalami pemotongan pemotongan tinggi sedangkan hasil pengeluaran musim tanaman kali ini jauh lebih baik,” katanya.

Ketua Blok Parit 2 Sungai Besar, Khairuddin Sapwani, 55, berkata, beliau yang memiliki 10 hektar sawah turut merasai kesan apabila pemotongan pemotongan padi pada kadar 30 peratus.

“Kami merayu kepada kerajaan mengemukakan pemotongan peratus tidak melebihi 20 peratus kerana kadar ini tidak dapat membantu pesawah meruskan kehidupan.

“Kami bimbang, jika keadaan ini berterusan, pesawah tidak lagi berminat menanam padi, sebaliknya mengusahakan tanaman kontan lain yang menjanjikan pulangan lebih tinggi,” katanya yang mula menanam padi sejak berusia 18 tahun.

Azman Samsuri dari Parit 3 Timur pula berkata, sudah tiba

masanya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan lebih serius menangani masalah berkenaan.

Katanya, kerajaan perlu memastikan semua pengilang menyelaraskan kadar pemotongan pemotongan padi tidak melebihi 20 peratus.

“Kebanyakan kami mengerah kudrat ke bendang untuk menyara hidup apatah lagi jika ada di antara kami perlu menyedaikan perbelanjaan yuran dan membeli kelengkapan persekolahan anak-anak bagi sesi persekolahan tahun ini,” katanya.

Ketua Blok Parit 2 Timur, Nohdar Mohamad, 60, pula berkata, selain penetapan kadar potongan pemotongan padi tidak melebihi 20 peratus, kerajaan juga dicadang menaikkan harga padi daripada RM1,200 kepada RM1,300.

“Harga padi pada masa sekarang perlu dinaikkan pada tahap munasabah bagi membantu nasib pesawah.

“Saya berharap kerajaan dapat membantu pesawah yang telah banyak membanting tulang bagi memastikan bekalan beras negara sentiasa mencukupi,” katanya.

UPM professor Mohamed Thariq holds pineapple leaves and a drone partially made with pineapple stems, in Jenjarom.



Increasing farmers' income

MALAYSIAN researchers have developed a revolutionary method to transform fibres that are found in otherwise discarded pineapple leaves into a strong material that can be used to build the frames for unmanned aircraft, or drones.

The project, headed by Professor Mohamed Thariq Hameed Sultan at Malaysia's Putra University, has been trying to find sustainable uses for pineapple waste generated by farmers in Hulu Langat, an area about 65 km from Kuala Lumpur.

"We are transforming the leaf of the pineapple into a fibre that can be used for aerospace application, basically inventing a drone," he told Reuters at a workshop.

Mohamed Thariq said drones made out of the bio-composite material had a higher strength-to-weight ratio than those made from synthetic fibres, and were also cheaper, lighter and easier to dispose of.

➤ Malaysian team turns pineapple waste into disposable drone parts



A drone flies at the pineapple plantation.

If the drone was damaged, the frame could be buried in the ground and would degrade within two weeks, he said.

The prototype drones have been able to fly to a height of about 1,000

metres and stay in the air for about 20 minutes, he added.

Ultimately, the research team hopes to create a larger drone to accommodate bigger payloads, including imagery sensors, for

agricultural purposes and aerial inspections.

"Our role here is to help the industry, the farmers, to increase their yield and make their jobs much easier," said William Robert Alvisse of the Malaysian Unmanned Drones Activist Society, a non-governmental group helping to design the drone and advising on the project.

Before the project launched in 2017, pineapple stems were discarded after the once-in-a-year harvest period, but farmers hope the drones project will encourage more innovation to find uses for the waste and boost incomes.

"With the health issue, the economy problem due to Covid-19, the society is desperate and there is no alternative to increase income," said pineapple farmer Irwan Ismail. - Reuters

Prapelancaran sambutan jubli emas UPM

Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Majlis Prapelancaran dan Perasmian Logo Sambutan Perayaan Jubli Emas sempena 50 Tahun Pemubuhan Universiti Putra Malaysia (1971-2021).

Ia bagi memberi makluman awal berkenaan Sambutan Perayaan Jubli Emas 50 Tahun UPM yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini.

Naib Canselor UPM, Profesor Dr Mohd Roslan Sulaiman berkata, sambutan ini sangat bertepatan bagi menghargai aspirasi kecemerlangan dan kejayaan semua pihak dalam pembangunan UPM.

"UPM terus memperkukuhkan reputasi di peringkat antarabangsa



SEKITAR majlis pra pelancaran dan perasmian logo sambutan perayaan jubli emas 50 tahun UPM.

apabila berjaya memperbalki kedudukan ranking dunia secara konsisten dan pelbagai badan penarafan menilai serta memberikan pengiktirafan yang tinggi

kepada UPM.

"Rentetan kejayaan ini, ia wajar diraikan seluruh warga kampus, pelajar dan alumni," katanya.

Menurutnya, sambutan

legasi ilmu dan peneraju pertanian yang banyak memberikan sumbangan kepada penambahbaikan kehidupan, pengkayaan ilmu pengetahuan serta inovasi khususnya dalam bidang pertanian.

"Tema ini juga menggambarkan nilai yang dikongsi bersama dengan komuniti, kerajaan, rakan institusi, industri dan pemegang taruh yang lain.

"Kombinasi ketiga-tiga perkataan ini berupaya menyerlahkan legasi

kecemerlangan pertanian di UPM, memaparkan nilai keserjanaan dan menonjolkan perbezaan universiti ini dengan Institut Pendidikan Tinggi yang lain," katanya.

Pada majlis yang sama,

Profesor Dr Mohd Sulaiman turut merasmikan Logo Sambutan Perayaan Jubli Emas sempena 50 Tahun Pemubuhan Universiti Putra Malaysia yang disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah Tengku Syarif Laksamana Perlis Daruk Seri Diraja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

Simbolik Penyerahan Logo Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM turut diserahkan kepada Pengerusi Jemaah Dekan, Pengerua dan Institut.

Selain itu, Dr Mohd Roslan turut melakukn Pelancaran Van dan Coaster Serdang Angels serta Smart Putra &? Bus sempena Sambutan Jubli Emas UPM 50 Tahun UPM

11/1/2021

UTUSAN

DALAM

32

MALAYSIA

NEGERI

Nelayan perlu pampasan setimpal

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

PORT DICKSON: Isu keresahan nelayan di Telok Kemang dekat sini berhubung Projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion di Kuala Linggi, Melaka tanpa ada perbincangan mengenai pampasan setimpal buat mereka dibawa ke pengetahuan kerajaan Negeri Sembilan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Linggi, Datuk Abdul Rahman Mohd Redza berkata, beliau telah membawa isu berkenaan di dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan baru-baru ini, namun, jawapan yang diterima hanyalah ia masih di peringkat perbincangan.

"Sungai Linggi ini dikongsi bersama Melaka dan Negeri Sembilan, sungai yang sama jadi apa sahaja kerja atau pembangunan di tebing pasti akan menjejaskan sungai itu.

"Memang tidak boleh elak, pembangunan yang melibatkan tambah tanah sudah tentunya akan menjejaskan pendapa-

lant seluas kira-kira 248 hektar yang tentunya memberi kesan kepada kawasan perairan di Negeri Sembilan termasuk menjejaskan hasil tangkapan, hal pampasan setimpal juga menguindang keresahan kepada para nelayan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Telok Kemang, Md. Isa Johar berkata, sehingga kini pihaknya dan kira-kira 200 nelayan di Telok Kemang yang akan terkecasan dengan projek itu tidak mempunyai apa-apa maklumat serta tidak mengetahui status tentang pampasan kepada mereka.

Difahamkan, projek pembinaan KLIP akan dimulakan pada suku pertama tahun ini dan akan mengambil masa lima hingga lapan tahun bagi menambak laut seluas kira-kira 248 hektar.

Ia kemudian akan dimajukan dengan pelbagai kemudahan berkaitan perubahan yang berkaitan perkhidmatan kepada kapal antarabangsa termasuk akan menempatkan tangki simpanan cecair, limbungan pembalakan kapal, limbungan fabrikasi komponen minyak dan gas serta dermaga untuk fasiliti himpitan kapal.



MD. Isa Johar (kiri) menunjukkan kawasan yang dirancang untuk dilaksanakan Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) kepada wartawan *Utusan Malaysia*. **BADRUL HAFIZAN MAT ISA** di Port Dickson baru-baru ini. - **UTUSAN/MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE.**

tan nelayan. Jadi, apabila tiada makluman apa-apa mengenai pampasan, nelayan ini resah lah. Saya akan bangkitkan lagi hal ini pada sidang DUN Mac nanti," katanya.

tanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam. Akhbar ini kelmarin melaporkan ura-ura pembinaan KLIP yang akan bermula pada suku pertama tahun ini menimbulkan rasa bimbang nelayan di Telok Kemang.